

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

RAG 132 – Pengantar Alam Bina & Penempatan Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TUJUH** soalan. **BAHAGIAN A** adalah **Wajib** dan jawab **DUA** soalan dari tiap-tiap **BAHAGIAN B, C dan D**.

BAHAGIAN A (Wajib) (10 MARKAH)

1. (a) Apakah peranan salah satu dari konsultan alam bina dalam menangani isu persekitaran mampan atau kehancuran bumi?
- (b) Bagaimanakah Model Penghasilan dapat membantu konsultan ini dalam memuhasabah kerjanya?

(10 markah)

BAHAGIAN B : Jawab DUA soalan sahaja (30 MARKAH)

Berdasarkan **Gambarajah** di bawah (**untuk Soalan 2, 3 dan 4**):

Penghasilan/ Skala	Niat	Pelaku	Laku	Aturan	Hasil	Tapak
Objek	A	B	C	D	E	F
Dalaman	G	H	J	K	L	M
Bangunan	N	P	Q	R	S	T
Perkarangan	V	W	X	Y	Z	AA
Bandar	AB	AC	AD	AE	AF	AG
Wilayah	AH	AJ	AK	AL	AM	AN

2. Ilustrasikan elemen **A-B-C-D-E-F** **ATAU** **Q-R-S-T** **ATAU** **AB-AC-AD-AE-AF-AG**

(15 markah)

3. Terangkan hubungkait **A-G-N-V-AB-AH** **ATAU** **D-K-R-Y-AE-AL** **ATAU** **F-M-T-AA-AG-AN**.

(15 markah)

4. Terangkan keadaan dalam mana **A-H-Q-Y-AF-AN** **ATAU** **F-L-R-X-AC-AH** berlaku.

(15 markah)

BAHAGIAN C : Jawab DUA soalan sahaja. (30 MARKAH)

5. (a) Senaraikan 3 pendekatan utama yang terdapat dalam organisasi proses pembinaan alam bina. (5 markah)
- (b) Huraikan salah satu daripada pendekatan organisasi tersebut dan jelaskan kebaikan dan kelemahannya berbanding dengan pendekatan organisasi yang dua lagi itu. (10 markah)
6. (a) Nyatakan dalam bentuk carta sepuluh (10) peringkat utama yang berturutan yang terlibat dalam proses perancangan tapak. (5 markah)
- (b) Huraikan peringkat analisis tapak dan jelaskan perbezaannya dengan analisis program. (10 markah)
7. Kamu bercita-cita ingin menceburi dalam kerjaya yang akan melibatkan diri kamu dalam salah satu profesion yang berhubungkait terus dengan pembangunan alam bina. Nyatakan profesion yang ingin kamu ceburi. Huraikan kenapa kamu berminat dalam profesion tersebut; persediaan-persediaan yang perlu kamu lengkapi; kelayakan dan karakter yang perlu kamu ada untuk berjaya; dan wawasan kamu sebagai seorang profesional untuk pembangunan alam bina masa hadapan khususnya. (15 markah)

BAHAGIAN D : Jawab DUA soalan sahaja. (30 MARKAH)

8. Sebuah penempatan mempunyai 2,000 penduduk. Sebahagian besar penduduk bekerja di sektor perkhidmatan (perniagaan dan kewangan) dan mempunyai latarbelakang yang hampir sama. Hampir 90% penduduk adalah dari kelompok bangsa yang sama.

Dengan menggunakan takrifan-takrifan bandar, apakah yang dapat anda simpulkan tentang penempatan di atas? Adakah ia sebuah penempatan bandar? Apakah kriteria yang anda gunakan untuk menyokong pendapat tersebut? Apakah maklumat lain yang anda perlukan untuk mengukuhkan pendapat anda?

(15 markah)

9. (a) Pilih satu model struktur dalaman bandar di bawah dan huraikan elemen-elemen penting dalam model tersebut.
- i. Zon Sepusat (Burgess)
 - ii. Model Sektor (Hoyt)
 - iii. Model Pelbagai Pusat (Harris & Ullman)
- (5 markah)
- (b) Pada pendapat anda bandar manakah di Malaysia yang mempunyai struktur dalaman yang hampir sama dengan model yang telah anda pilih? Berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian.
- (10 markah)
10. (a) Apakah dia bandar Primat (Primate City)?
- (5 markah)
- (b) Huraikan faktor-faktor atau keadaan yang menyebabkan wujudnya bandaraya Primat.
- (10 markah)

-ooo00ooo-